

Headline	Projek Digital FRIM rekod spesies pokok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	27	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,910
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,730



Projek Digital FRIM rekod spesies pokok

PADA Februari lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merasmikan Projek Digital FRIM yang diperkenalkan tahun 2012.

Projek tersebut merupakan hasil kerjasama daripada sebuah syarikat yang pakar dalam bidang perhutanan dan pemetaan hutan secara digital iaitu Cube Global Sdn. Bhd.

Selain itu, Projek Digital FRIM merupakan sebuah projek yang merekodkan dan mendokumentasikan spesies serta saiz pokok-pokok yang terdapat di hutan Malaysia.

Menurut Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod, projek tersebut dapat memberikan manfaat yang berguna kepada semua pihak.

“Melalui pelaksanaan Projek Digital FRIM ini, kami juga dapat mengenalpasti sama ada pokok dalam sesebuah kawasan hutan itu sesuai untuk ditebang atau tidak,” ujarinya pada sidang akhbar di FRIM, Kepong, Selangor.

Abdul Latif berkata, tujuan projek tersebut dilaksanakan adalah untuk kepentingan ekosistem perhutanan.

“Segala flora dan fauna hidup dalam hutan. Jadi, jika sesuatu pokok itu ditebang secara sebarangan, ia akan menjejaskan kitaran hidupan itu.

“Penebangan secara haram juga dapat dibendung supaya tragedi banjir seperti yang berlaku di Cameron Highlands, Pahang tidak berulang,” katanya.

Projek Digital FRIM itu dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau turut merasmikan FRIM sebagai Warisan Kebangsaan dalam Majlis Pemasangan Plak FRIM serta menanam anak pokok Rhu Bukit di Dataran FRIM.

Beliau memberitahu, kegiatan pembalakan halal juga harus dipantau dan dikurangkan supaya tidak berlakunya bencana alam seperti banjir.



MAHATHIR (kiri) merasmikan Projek Digital FRIM dan mengisytiharkan FRIM sebagai Warisan Kebangsaan pada Februari lalu.